

## KPN perhebat kerjasama perluas Program Bermalam di Muzium

🕒 22/9/2023 5:17 PM



**MELAKA: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan memperhebat kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk syarikat swasta bagi memperluas penyertaan pengan...**

MELAKA: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan memperhebat kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk syarikat swasta bagi memperluas penyertaan pengan... : Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan memperhebat kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk syarikat swasta bagi memperluas penyertaan penganjuran "Program Bermalam di Muzium" di seluruh negara pada masa hadapan.

Ketua Setiausaha KPN Datuk Noridah Abdul Rahman berkata program yang mula dilaksanakan pada 2005 di Muzium Negara dan menjadi satu daripada program signature atau pengenalan bagi Jabatan Muzium Malaysia kini mendapat penyertaan yang tinggi dalam kalangan pelajar sekolah menengah setiap kali penganjurannya.

"Menerusi program ini, kita bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan setiap tahun, kita menerima permintaan yang tinggi dalam kalangan pelajar sekolah menengah untuk mengikuti 'Program Bermalam di Muzium', namun terdapat beberapa kekangan untuk menerima penyertaan yang banyak. headtopics.